PENDAKWA RAYA

lwn.

ONG BOON KEK & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
FAIZA THAMBY CHIK H
[PERBICARAAN JENAYAH NO. 47-7-90]
2 JULAI 1991

PROSEDUR JENAYAH: *Dadah berbahaya - Dijumpai di dalam kereta tertuduh - Kes prima facie - Penjagaan dan penguasaan - Sangkaan - Kedudukan berdekatan - Kepunyaan kereta tersebut - Saksi penting tidak dipanggil - Inferens yang menentang - Kesenjangan yang timbul dalam kes pendakwaan - Lapuran kimia - Serahan satu salinan sahaja kepada kedua-dua tertuduh - Kepentingan keadilan - Tafsiran statut - Akta Keterangan 1950, s. 114(g) - Kanun Prosedur Jenayah, s. 399 - Akta Dadah Berbahaya 1952, s. 39B.*

Kedua-dua tertuduh telah didakwa dengan kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta tersebut). Dalam satu operasi mencegah jenayah, pihak polis telah menjumpai dadah yang disyaki heroin di dalam kereta yang dipandu oleh tertuduh pertama, T1 dan tertuduh kedua, T2 berada di tempat duduk sebelah pemandu. Bungkusan yang mengandungi dadah itu dijumpai tersorok di bawah tikar getah pelapek kaki dan di dalam "glove compartment" kereta tersebut.

Diputuskan:

[1] Dapat diperhatikan bahawa bungkusan yang tersorok di bawah tikar getah pelapek kaki tersebut tidak dapat dilihat oleh mata kasar melainkan seseorang mengetahui ianya berada di situ; begitu juga dengan beg plastik berwarna merah jambu yang berisi tiga bungkusan yang dijumpai di "glove compartment".

[2] Tidak ada keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwa bahawa kedua-dua tertuduh mempunyai penjagaan dan penguasaan keatas bungkusan tersebut. Oleh sebab itu, s. 37(d) Akta tersebut tidak terpakai terhadap tertuduh.

[3] Hujah pihak pendakwaan bahawa kedua tertuduh berada berdekatan dengan bungkusan-bungkusan tersebut tidak dapat diterima oleh sebab dengan hanya berada berdekatan secara fizikal dengan bungkusan-bungkusan tersebut tidak cukup untuk melekatkan tuduhan itu kepada kedua-dua mereka tanpa disokong oleh fakta lain.

[4] Pihak pendakwaan juga gagal membuktikan bahawa kereta tersebut adalah kepunyaan T1. Walaupun surat perjanjian jual beli itu merujuk kepada T1 sebagai penyewanya dan perjanjian tersebut ditandatangani pada 24 Mei 1989, tidak ada keterangan yang menunjukkan kepada siapa dan bila kereta tersebut diserahkan secara fizikal. Lebih lagi, Borang MV2 menunjukkan bahawa kereta tersebut adalah kepunyaan L. Oleh sebab L tidak di panggil sebagai saksi, Mahkamah membuat inferens yang menentang dibawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950 (Akta tersebut).

[5] Apabila keterangan pihak pendakwaan tidak membuktikan kes *prima facie* pada akhir kes pendakwaan, maka tindakan tidak memanggil saksi penting seperti L tidak dapat menutup kesenjangan yang timbul dalam kes pendakwaan.

[6] Peruntukan kepada s. 399(i) Kanun Prosedur Jenayah (Kanun tersebut) itu adalah satu syarat terdahulu dan syarat terdahulu itu termasuklah penyerahan satu salinan lapuran itu kepada setiap orang tertuduh dalam sesuatu kes itu dan jikalau syarat penyerahan satu salinan itu tidak dipenuhi, maka lapuran itu tidaklah boleh diterima di bawah s. 399 itu. Bahasa s. 399 itu adalah jelas dan tidak kabur.

[7] Oleh sebab kes ini melibat hukum gantung yang mandatori, Mahkamah sepatutnya berhati-hati mentafsirkan sesuatu perkataan dan ungkapan mengikut maknanya yang biasa dan "natural".

[8] Penyerahan satu salinan sahaja lapuran kimia kepada kedua-dua orang tertuduh itu, walapun dalam masa 10 hari genap dan diakui oleh tertuduh, adalah tidak memenuhi syarat "...shall deliver a copy thereof to the accused.." seperti yang diperuntukan dalam s. 399(i). Tafsiran ini dikukuhkan lagi oleh s. 399(i)(b).

[9] Kepentingan keadilan akan terjejas jika sekiranya hanya satu salinan lapuran tersebut sahaja diserahkan serentak kepada beberapa orang tertuduh untuk dikongsi ramai-ramai.

[Pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kes prima facie pada akhir kes pendakwaan akibat timbulnya kesenjangan; kedua-dua tertuduh dibebaskan dan dilepaskan tanpa dipanggil membela diri.]

Kes-kes yang dirujuk:
Public Prosecutor lwn. Zakariah b. Mohd. Yassin [1988] 2 CLJ (Rep) 375 ***(cit)***
Pendakwa Raya lwn. Wong Chew Hong [1990] 1 CLJ (Rep) 480 ***(dirujuk)***
Public Prosecutor lwn. Foo Jua Eng [1966] 1 MLJ 197 ***(dirujuk)***
Abdullah Zawawi lwn. Public Prosecutor [1985] CLJ (Rep) 19 ***(dirujuk)***
Wong Kok Keong lwn. Regina [1955] 21 MLJ 13 ***(dirujuk)***
Public Prosecutor lwn. Tay Tuan [1953] MLJ 20 ***(dirujuk)***
Chong Yik lwn. Public Prosecutor [1953] MLJ 72 ***(dirujuk)***
Chong Peng lwn. Public Prosecutor [1954] MLJ 39 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Dangerous Drugs Act 1952, ss. 37(d), 39B(1), (2)
Evidence Act 1950, ss. 60(1)(d), 114illus.(g)
Criminal Procedure Code, ss. 399(i)(b), 424(i)

Sumber lain yang dirujuk:
Mallal's Criminal Procedure Edisi 4 halaman 567

Bagi pihak pendakwa raya - Hayatunnisah bte. Sulaiman, Timbalan Pendawa Raya
Bagi pihak tertuduh pertama dan kedua - Manjeet Singh Dhillon; Lawrence & Dhillon Associates

PENGHAKIMAN

Faiza Thamby Chik H:

Kedua-dua orang tertuduh telah dihadapkan dengan satu tuduhan pindaan yang berbunyi seperti berikut:

> Bahawa kamu Ong Boon Kek dan Choo Meng Khoon bersama-sama pada 10 Jun 1989 kira-kira pukul 9.30 malam di Jalan Haji Taib, di dalam Bandaraya Kuala Lumpur, di dalam Wilayah Persekutuan telah melakukan kesalahan mengedar dadah berbahaya iaitu 19.48 gram heroin dan dengan itu kamu berdua telah melakukan kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah s. 39B(2) Akta yang sama.

Kes pihak pendakwaan secara ringkas adalah seperti berikut. Pada 10 Jun 1989 kira-kira pukul 9.00 malam D/Konst. 98922 Ong Meow Khoon (SP4) berserta dengan sepasukan anggota polis telah membuat satu operasi mencegah jenayah di kawasan Jalan Haji Taib, Kuala Lumpur dan pada kira-kira pukul 9.30 malam di situ beliau telah nampak kedua-dua orang tertuduh berada di dalam sebuah kereta Proton Saga bernombor pendaftaran WBN 5789, tertuduh pertama berada di tempat duduk pemandu dan tertuduh kedua berada di tempat duduk di sebelah pemandu dan enjin kereta tersebut masih lagi hidup. SP4 telah menunjukkan kad kuasa polisnya kepada tertuduh pertama dan tertuduh pertama telah menunjukkan kad pengenalannya kepada SP4. D/Konst. 109638 Md. Daud Hj. Wahari telah memeriksa di bahagian tempat duduk pemandu dan dari bawah getah pelapek kaki di situ beliau telah menjumpai dan mengeluarkan tiga bungkusan, dua besar dan satu kecil daripada keratan akhbar Cina dan bila dibukanya di hadapan SP4 dan tertuduh pertama, didapati dua bungkusan besar itu mengandungi setiap satu, dua peket besar berisi serbok merah jambu yang disyaki dadah heroin dan satu bungkusan kecil itu mengandungi satu peket kecil berisi serbok merah jambu yang disyaki dadah heroin. D/Konst. 109638 Md. Daud Hj. Wahari kemudian telah menyerahkan bungkusan-bungkusan tersebut kepada SP4 dan SP4 kemudian telah pergi ke bahagian tempat duduk di sebelah pemandu dan memerhatikan bersama dengan tertuduh kedua D/Konst. 115027 Tan Hock Loong (SP5) membuka laci "glove compartment" kereta itu dan dari dalam laci tersebut SP5 telah menjumpai dan mengeluarkan satu beg plastik berwarna merah jambu (pink) dan bila dibukanya di hadapan SP4 dan tertuduh kedua, didapati di dalamnya ada tiga bungkusan, dua besar dan satu kecil daripada keratan akhbar Cina juga, dua bungkusan besar itu mengandungi setiap satu, dua peket besar berisi serbok merah jambu yang disyaki dadah heroin dan satu bungkusan kecil itu mengandungi satu peket kecil berisi serbok merah jambu yang disyaki dadah heroin. Dan serbok merah jambu yang terkandung di dalam ke lapan-lapan peket besar dan kedua-dua peket kecil itu telah menjadi hal perkara tuduhan didalam kes ini.

Akan tetapi setelah saya meneliti dengan cermat keterangan yang telah dikemukakan oleh pihak pendakwa saya mendapati pihak pendakwa telah gagal membuktikan kes *prima facie* pada akhir kes pendakwaan.

Dalam kes ini dapat diperhatikan bahawa ketiga-tiga bungkusan daripada keratan akhbar Cina yang dijumpai tersorok di bawah tikar getah pelapek kaki di tempat duduk pemandu itu adalah tidak dapat dilihat oleh mata kasar melainkan seseorang mengetahui ianya berada di situ. Begitu juga dengan beg plastik berwarna merah jambu yang berisi tiga bungkusan daripada keratan akhbar Cina yang dijumpai di dalam laci "glove compartment" di tempat duduk di sebelah pemandu itu juga tidak dapat dilihat oleh mata kasar melainkan seseorang membuka laci tersebut. Maka dapat diperhatikan juga bahawa tidak ada keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwa bahawa kedua-dua orang tertuduh "have had in (their) custody or under (their) control" bungkusan-bungkusan tersebut. "There is no presumption of custody. The presumption is from custody. Unless custody was established, the chain of reasoning is broken." [Lihat *Public Prosecutor lwn. Zakariah b. Mohd. Yassin* [1988] 2 CLJ (Rep) 375]. Pihak pendakwa hendaklah menunjukkan bahawa kedua-dua orang tertuduh mempunyai penjagaan (custody) atau penguasaan (control) dadah yang terdapat di dalam bungkusan-bungkusan tersebut untuk mengenakan s. 37(d) Akta Dadah Berbahaya kepada mereka. Apabila s. 37(d) itu terpakai, maka baharulah boleh dianggap bahawa kedua-dua orang tertuduh itu bukan sahaja memiliki dadah tersebut tetapi juga boleh dianggap mereka mengetahui jenis dadah tersebut. Dalam kes ini heroin. Untuk menggunakan s. 37(d) itu maka tidaklah perlu bagi pihak pendakwaan membuktikan bahawa kedua-dua orang tertuduh itu mengetahui

bahawa benda itu adalah dadah berbahaya iaitu heroin. Tujuan anggapan statutori itu akan terbatal jika sekiranya pihak pendakwaan dikehendaki membuktikan bahawa benda itu adalah dadah berbahaya iaitu heroin yang pada hakikatnya mestilah dianggap dadah berbahaya iaitu heroin.

Hujah pihak pendakwaan bahawa kedua-dua orang tertuduh berada berdekatan (in close proximity) dengan bungkusan-bungkusan tersebut tidak dapat diterima oleh kerana dengan hanya berada berdekatan secara fizikal dengan bungkusan-bungkusan tersebut tidak cukup untuk melekatkan tuduhan pindaan itu kepada kedua-dua mereka tanpa disokong oleh fakta lain. [Lihat kes *Pendakwa Raya lwn. Wong Chew Hong* [1990] 1 CLJ (Rep) 480 pada halaman 491 dan kes *Public Prosecutor lwn. Foo Jua Eng* [1966] 1 MLJ 197]. Dan lagi pihak pendakwaan gagal membuktikan bahawa kereta Proton Saga bernombor pendaftaran WBN 5789 itu kepunyaan tertuduh pertama seperti yang cuba dibuktikannya. Pihak pendakwaan telah memanggil Loh Teo Hong (SP6) seorang pengurus di Arab Malaysian Finance yang mengemukakan surat perjanjian sewa-beli di antara Arab Malaysian Finance dengan tertuduh pertama dan surat perjanjian itu telah dijadikan barang kes dan ditandai P22. Adalah jelas di dalam P22 bahawa nama penyewanya adalah tertuduh pertama dan kereta yang disewanya adalah kereta Proton Saga bernombor pendaftaran WBN 5789 dan perjanjian tersebut ditandatangani pada 24 Mei 1989. Akan tetapi tidak ada keterangan daripada SP6 yang menunjukkan kepada siapa dan bila kereta tersebut diserahkan secara fizikal. Perkara ini menjadi lebih genting (critical) apabila Borang MV2 yang dijadikan barang kes oleh pihak pendakwaan dan ditandai ID23 (sungguhpun MV2 itu adalah salinan yang telah diperakui dan diterima oleh pihak pembelaan) menunjukkan bahawa kereta tersebut adalah kepunyaan (owner) Latifah binti Abd. Latiff pada masa hari kejadian dan pertukaran hak milik kepada tertuduh pertama hanya didaftarkan pada 21 Ogos 1989. Jadinya jelas daripada keterangan pihak pendakwaan bahawa kereta tersebut masih lagi dipunyai oleh Latifah binti Abd. Latiff pada l0 Jun 1989 dan hanya Cik Latifah binti Abd. Latiff sahaja yang boleh menjelaskan sama ada kereta itu dimilikinya (possessed) pada 10 Jun 1989. Oleh kerana Cik Latifah tidak dipanggil untuk memberikan keterangan maka saya membuat inferens yang menentang di bawah s. 114(g) Akta Keterangan terhadap pihak pendakwaan. Perlu diingati bahawa apabila keterangan pihak pendakwaan tidak membuktikan kes *prima facie* pada akhir kes pendakwaan, maka tindakan tidak memanggil saksi penting seperti Cik Latifah tidak dapat menutup kesenjangan yang timbul dalam kes pendakwaan [Lihat kes *Abdullah Zawawi lwn. Public Prosecutor* [1985] CLJ (Rep) 19 halaman 23].

Akhir sekali saya ingin menyentuh hujah yang telah diutarakan oleh pihak pembelaan iaitu mengenai lapuran kimia yang dijadikan barang kes di bawah s. 399 Kanun Prosedur Jenayah dan ditandai P25. Dapat diperhatikan dalam keterangan pihak pendakwaan bahawa satu salinan P25 sahaja telah diserahkan kepada kedua-dua orang tertuduh di Penjara Pudu dan diakui oleh kedua-dua mereka di belakang salinan asal P25 pada 20 September 1989 dan ditandai P25A dan B dan penyerahan itu memenuhi syarat “not less than ten clear days before the commencement of the trial”. Tetapi yang ditimbulkan oleh pihak pembelaan adalah isu bahawa pihak pendakwaan telah gagal memenuhi syarat “he (i.e. the Public Prosecutor) shall deliver **a copy thereof to the accused** not less” dan oleh hal yang demikian peruntukan kepada subs.(i) s. 399 Kanun Prosedur Jenayah tidak dipenuhi. Dengan hanya menyerahkan satu salinan sahaja P25 kepada kedua-dua orang tertuduh secara serentak, maka lapuran kimia itu tidak boleh diterima sebagai keterangan. Dan tanpa keterangan kimia tersebut, maka tiada keterangan di hadapan Mahkamah untuk membuktikan bahawa bahan yang berwarna merah jambu di dalam kesepuluh-sepuluh peket plastik itu adalah dadah heroin dan kerananya pihak

pendakwaan telah gagal membuktikan tuduhan pindaan tersebut. Saya berpendapat bahawa kesan s. 399(i) Kanun Prosedur Jenayah adalah untuk menjadikan dokumen-dokumen tertentu sebagai keterangan mengenai kebenaran kandungannya dan oleh itu peruntukan s. 399(i) adalah peruntukan yang lebih berkaitan dengan keterangan daripada prosedur. Dan P25 adalah di antara dokumen-dokumen tertentu itu. Tanpa peruntukan tersebut P25 tidak boleh diterima sebagai keterangan mengenai kebenaran kandungannya. (Sila lihat s. 60(1)(d) Akta Keterangan 1950). Dan kegagalan mematuhi peruntukan kepada subs.(i) s. 399 itu akan mengakibatkan bukan sahaja berlakunya prosedur luar aturan (procedural irregularity) tetapi juga berlakunya kebolehterimaan keterangan yang pada kebiasaannya tidak boleh diterima. [Lihat kes *Wong Kok Keong lwn. Regina* [1955] 21 MLJ 13]. Dalam kes ini isu yang ditimbulkan oleh pihak pembela ialah kegagalan menyerahkan **satu** salinan P25 itu kepada tertuduh pertama dan kegagalan menyerahkan satu salinan P25 itu kepada tertuduh kedua adalah serupa dengan tidak menyerahkan langsung salinan P25 itu kepada kedua-dua orang tertuduh. Dengan perkataan-perkatan lain pihak pendakwa telah tidak mematuhi peruntukan kepada subs.(i) s. 399 tersebut.

Perlu saya menyatakan di sini bahawa peguambela yang bijaksana bagi pihak pembela tidak ada langsung mengemukakan apa-apa autoriti untuk menyokong hujahnya dan Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana itu juga tidak menyentuh langsung isu yang dibangkitkan oleh pihak pembelaan. Dalam suasana sedemikian saya telah terpaksa membuat penyelidikan secara ringkas dalam waktu masa yang pendek berdasarkan kepada fakta-fakta kes yang dibentangkan oleh pihak pendakwa. Setelah meneliti beberapa kes yang lampau mengenai s. 399 tersebut, saya mendapati bahawa isu yang sering dibangkitkan dan diputuskan oleh Mahkamah adalah mengenai penyerahan lapuran kimia yang kurang daripada 10 hari genap (less than 10 clear days) dan dalam keadaan sedemikian kebanyakan autoriti memutuskan bahawa peruntukan subs.(i) s. 399 tersebut telah tidak dipenuhi. [Lihat kes-kes *Public Prosecutor lwn. Tay Tuan* [1953] MLJ 20; *Chong Yik lwn. Public Prosecutor* [1953] MLJ 72 dan *Chong Peng lwn. Public Prosecutor* [1954] MLJ 39] dan oleh hal yang demikian lapuran kimia itu tidak boleh diterima sebagai keterangan. Saya berpendapat lanjutan daripada keputusan daripada autoriti-autoriti di atas, peruntukan kepada subs.(i) s. 399 itu adalah satu syarat terdahulu (condition precedent) dan syarat terdahulu itu termasuklah penyerahan satu salinan lapuran itu kepada setiap orang tertuduh dalam sesuatu kes itu dan jikalau syarat penyerahan satu salinan kepada setiap orang tertuduh itu tidak dipenuhi, maka lapuran itu tidaklah boleh diterima di bawah s. 399 itu. Saya berpendirian sedemikian oleh kerana bahasa s. 399 itu adalah jelas dan tidak kabur (unambiguous). Dalam kes seberat ini dimana jikalau seseorang tertuduh itu kalau sabit kesalahannya akan menerima hukuman gantung mandatori, Mahkamah sudah sepatutnyalah berhati-hati mentafsirkan sesuatu perkataan dan ungkapan mengikut maknanya yang biasa dan "natural". Mahkamah tidak sepatutnya membuat inferens atau spekulasi. Jikalau tidak maka bolehlah dianggap bahawa Mahkamah telah membuat sesuatu keputusan dengan tidak mengikut keselarasan undang-undang. Oleh hal yang demikian maka saya memutuskan bahawa penyerahan satu salinan sahaja P25 kepada kedua-dua orang tertuduh itu walaupun dalam masa 10 hari genap dan diakui oleh kedua-dua mereka itu (P25A dan B) adalah tidak memenuhi syarat "shall deliver **a copy thereof to the accused** seperti yang dikehendaki oleh peruntukan kepada subs.(i) s. 399 itu. Pendapat saya ini dikukuhkan lagi oleh ayat "unless such person or Registrar shall be required to attend as a witness (b) the accused, in which case the accused shall give notice to the Public Prosecutor not less than three clear days before the commencement of the trial:" [Lihat s. 399(i) (b)]. Ayat itu jelas menunjukkan dalam keadaan di mana seseorang tertuduh memerlukan kehadiran pelapur itu sebagai saksi beliau diperlukan memberi notis hanya tiga hari genap sebelum permulaan

perbicaraan, iaitu satu notis yang lebih singkat daripada notis yang perlu diberikan oleh Pendakwa Raya sekiranya beliau hendak memberi keterangan lapuran berkenaan (iaitu 10 hari genap). Adalah jelas di sini bahawa seseorang tertuduh itu hendaklah diberikan satu salinan lapuran itu tidak kurang daripada 10 hari genap sebelum permulaan perbicaraan supaya beliau dapat menelitinya dengan aman dan cermat untuk membuat keputusan samada hendak memanggil pelapur lapuran itu atau tidak dan jika sekiranya beliau menghendaki pelapur tersebut hadir sebagai saksi maka beliau perlu memberi notis kepada Pendakwa Raya hanya 3 hari genap sebelum permulaan perbicaraan. Di sinilah letaknya kepentingan syarat "shall deliver **a copy thereof to the accused**". Oleh itu dalam suasana sedemikian saya berpendapat bahawa kepentingan keadilan akan terjejas jika sekiranya hanya satu salinan lapuran tersebut sahaja diserahkan serentak kepada beberapa orang tertuduh untuk dikongsi beramai-ramai. Pendirian saya ini juga mendapat sandaran (support) daripada Mallal's Criminal Procedure 4th Edn. halaman 567 yang berbunyi:

> To render the report of a chemist admissible in evidence, the prosecution must first satisfy the Court by oral evidence that the provisions of the proviso to subs.(i) of s. 424, [iaitu sama dengan s. 399(i)] had been complied with, that is to say, that a copy thereof had been delivered to the accused within the time stipulated in the proviso and until the prosecution had done this, the report cannot be received in evidence. *Chong Peng lwn. Public Prosecutor* [1954] MLJ 39, *Public Prosecutor lwn. Ng Fah* [1954] MLJ 150 CA.

Oleh itu dalam kes ini penyerahan satu salinan P25 kepada kedua-dua orang tertuduh itu tidak mematuhi peruntukan kepada subs.(i) s. 399 tersebut, walaupun kedua-dua mereka itu telah mengakui menerimanya (lihat P25A dan B). Seperkara lagi dari segi undang-undang tidak dapat ditentukan kepada siapakah satu salinan P25 itu telah diserahkan kepada tertuduh pertama atau tertuduh kedua. Kerananya satu keraguan telah timbul mengenainya. Dalam suasana sedemikian adalah biasa diberikan faedah keraguan itu kepada tertuduh dan saya dengan ini memberikan faedah tersebut kepada kedua-dua orang tertuduh itu.

Oleh hal yang demikian dengan berdasarkan kepada fakta-fakta yang disebutkan di atas itu, maka saya membuat keputusan bahawa keterangan pihak pendakwaan sangat jauh kekurangan dan sebenarnya tidak ada keterangan untuk membuktikan suatu kes *prima facie*. Pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kes *prima facie* pada akhir kes pendakwaan akibat timbulnya kesenjangan (gap) yang disebutkan di atas tadi.

Oleh hal yang demikian saya membebaskan dan melepaskan kedua-dua orang tertuduh tanpa dipanggil membela diri.

Also found at [1991] 3 CLJ 1744